

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2023, VOL 6, Bil 1, Halaman 28-40

Amalan Penulisan Al-Quran Dalam Pembelajaran Hifz Al-Quran

Al-Quran Writing Practice In Hifz Al-Quran Learning

Mohamad Marzuqi Abdul Rahim^{1*}, Muhammad Hafizan Abd Hamid,² Abd Hadi Borham¹ & Mohd Muaz Bin Abd Hamid¹

¹ Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

² Unit Tahfiz, Pusat Islam, Universiti Tenaga Nasional.

* **Corresponding Author:** Prof Madya Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, 35900 Tanjong Malim, marzuqi@fsk.upsi.edu.my

ABSTRACT

This study was conducted to look at the practice of learning to write al-Quran as well as the factors that influence the practice. A total of 176 secondary school students of the Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) throughout Malaysia were selected randomly as sample. This survey study uses a quantitative approach. A set of questionnaires has been formulated considering the practice of learning al-Quran writing and the factors of basic knowledge of al-Quran writing, training and guidance factors, time allocation and management factors and test and exam question factors. The data obtained was then analyzed descriptively and inferentially. The findings of the study showed that the learning practice of al-Quran writing was at a moderate level which is (mean: 3.68, s.p: 0.54) The findings also show that only the knowledge factor shows a high score which is (mean: 4.26, s.p: 0.59) The correlation analysis also shows that all four the factors studied have a significant relationship with the learning practice of al-Quran writing. Based on the results, it can be concluded that an aggressive step should be organized to improve the practice of learning the al-Quran writing because Rasulullah SAW placed great emphasis on the Al-Quran.

Keywords: Al-Quran writing, tahfiz learning, rasm al-Quran, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk melihat amalan pembelajaran penulisan al-Quran dalam mata pelajaran Hifz Al-Quran serta faktor-faktor yang mempengaruhi amalan tersebut. Seramai 176 orang pelajar sekolah menengah aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di seluruh Malaysia terlibat sebagai sampel yang dipilih secara rawak mudah. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Satu set soal-selidik telah digubal dengan mengambil kira amalan pembelajaran Penulisan al-Quran dan faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan al-Quran dalam kalangan responden. Data yang diperoleh kemudian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan amalan pembelajaran penulisan al-Quran berada pada tahap yang sederhana iaitu (min: 3.68, s.p: 0.54) Sebaliknya dapatan turut menunjukkan hanya faktor pengetahuan asas menunjukkan skor yang tinggi iaitu (min: 4.26, s.p:0.59) Analisis korelasi pula menunjukkan semua empat faktor yang dikaji mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Berdasarkan hasil dapat maka dapat disimpulkan amalan penulisan al-Quran yang masih berada pada tahap sederhana memerlukan kepada penelitian kepada faktor selain faktor pengetahuan asas bagi menambahbaik amalan pembelajaran penulisan al-Quran bagi memastikan ketulenan al-Quran terpelihara samada di dada *huffaz* mahupun tulisan.

Kata Kunci: Penulisan al-Quran, pembelajaran tahfiz, rasm al-Quran, Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)

1.0 Pengenalan

Al-Quran sejak awal diturunkan kepada Rasulullah SAW telah dicatat oleh sebahagian sahabat R.A dalam bentuk tulisan. Baginda Nabi SAW sendiri yang memilih dan mengarahkan sebahagian sahabat R.A untuk menulis wahyu yang telah diturunkan selain dihafaz kukuh dalam ingatan (Ibrahim, 2016). Penulisan al-Quran ini kemudiannya dikenali sebagai *rasm* yang bermaksud kesan di dalam bahasa Arab. Ia boleh didefinisikan sebagai kesan dalam bentuk penulisan yang menggabungkan huruf-huruf *hijaiyyah* sehingga membentuk lafaz al-Quran yang boleh dibaca sebagaimana ia diturunkan (Ahmad Kamarudin, 2010; Zamri Rajab et.al, 2021). Walaupun Rasulullah SAW ialah seorang *ummi*, baginda tidak sekali-kali mengabaikan aspek penulisan. Buktinya Baginda SAW telah melantik beberapa jurutulis untuk mencatat segala ayat yang Allah SWT turunkan ketika itu. Semua ayat yang dicatat oleh para sahabat R.A akan dikemukakan kepada Rasulullah SAW. Baginda akan menyemak dan membetulkannya apabila terdapat sebarang kesalahan dalam tulisan. (Al-A'zami, 2003; Pakhrujain, 2022). Demikianlah betapa Nabi SAW meletakkan penulisan al-Quran atau *rasm* sebagai keutamaan dalam langkah-langkah memelihara ketulenan al-Quran. Allah SWT sendiri telah memberi isyarat melalui wahyu pertama bahawa penulisan merupakan cabang mendapatkan ilmu sebagaimana firman Allah SWT:

Bermaksud: *Bacalah (Wahai Muhammad) Dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

(Surah Al-Alaq 96: 1-5)

Sifat Baginda yang tidak tahu membaca dan menulis ini hanya berlaku sebelum baginda diangkat menjadi Rasul, manakala setelah diutus menjadi Rasul, Allah SWT telah mengurniakan kepada baginda pengetahuan untuk membaca dan menulis (Abd Rahman, 2008). Maka bukanlah

menjadi kejanggalan kepada Baginda SAW menyemak tulisan al-Quran para sahabat. Tulisan para sahabat ini dipastikan bertepatan dengan apa yang dikehendaki dan diturunkan oleh Allah SWT. Oleh itu penulisan al-Quran atau *Rasm* di zaman Rasulullah SAW disepakati oleh jumur ulama' islam sebagai *tawqifi* iaitu ketetapan daripada Allah SWT dan bukan rekaan para sahabat (Al-A'zami, 2003).

Pada zaman Saidina Uthman satu inisiatif telah disepakati oleh para sahabat untuk mengumpul dan menyalin semula al-Quran dalam bentuk *mushaf*. Hal ini bagi mengelakkan pertelingkahan yang mula wujud dalam kalangan tentera pejuang Islam di perbatasan Armenia dan Azerbaijan. Bibit perpecahan mula timbul apabila mereka saling menyalahkan satu sama lain akibat berbeza bacaan qiraat. Saidina Uthman telah membentuk panel yang diketuai oleh Zaid bin Thabit bagi menjayakan pengumpulan dan penyusunan al-Quran dalam bentuk *mushaf* (Al-Qadhi, 1965; Fitra & Listiana, 2022). Al-Quran yang terkumpul dalam *mushaf* ini dikenali sebagai *Rasm Uthmani*. Tiada penambahan perkara baharu dari aspek penulisan melainkan apa yang telah didapati di zaman Rasulullah SAW. Maka *Rasm Uthmani* ini juga bersifat *tawqifiy* (Al-A'zami, 2003). Penulisan al-Quran ini telah diterima oleh para sahabat dan umat Islam dan terus dipelihara sehingga ke hari ini sebagai salah satu kaedah menjaga keaslian al-Quran.

2.0 Latar Belakang

Hafazan al-Quran adalah fardhu kifayah kepada umat Islam. Di Malaysia kesedaran terhadap kelebihan menghafaz al-Quran telah mendapat perhatian banyak pihak. Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) bagi melahirkan lebih ramai huffaz di peringkat sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016). Melalui KBT pelajar tahfiz bukan sahaja dituntut menghafaz sukatan hafazan yang telah ditentukan, malah mereka juga diminta untuk menulis al-Quran yang dihafaz di dalam sebuah buku yang disediakan (Kaimin et.al, 2021; Nurul Najihah et.al, 2021). Aktiviti ini dikenali sebagai Penulisan al-Quran atau *Tahriri* Al-Quran. Jelaslah bahawa pendidikan tahfiz di Malaysia pada masa ini mementingkan hafazan al-Quran dalam bentuk lisan dan tulisan.

Penulisan al-Quran ini bukanlah perkara baharu malah telah dipraktikkan di zaman Rasulullah SAW (Al-A'zami, 2003). Rekod bertulis al-Quran merupakan sesuatu yang amat penting sebagai pembuktian dan penghujahan keaslian al-Quran (Muhamad Fadlly et.al, 2020). Hafazan secara lisan perlu diperkukuhkan melalui penulisan. Justeru al-Quran secara lisan (*syafawi*) dan tulisan (*tahriri*) adalah dua elemen pembelajaran tahfiz al-Quran yang tidak dapat dipisahkan (Nurul Najihah, 2018). Apa yang menjadi persoalan ialah hafazan al-Quran secara lisan akan disahkan oleh guru tahfiz semasa sesi *tasmi'* pembelajaran *hifz* al-Quran. Menghafaz secara lisan dengan tepat dan berkesan pun sudah sukar dan mengambil masa yang agak panjang, apatah lagi apabila aktiviti penulisan atau *tahriri* al-Quran diwajibkan ke atas pelajar tahfiz. Oleh itu kertas ini cuba menjelaskan aspek-aspek yang boleh dipertimbangkan bagi menjayakan aktiviti *tahriri* al-Quran dalam pembelajaran tahfiz.

Menurut Al-Dibba' (1990) umat Arab zaman Jahiliah pada asalnya tidak tahu membaca dan menulis. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَنِي ضَلَّالٍ مُّبِينٍ

Bermaksud: *Dia lah yang telah mengutus dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad SAW) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaan Nya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata.*

(Surah al-Jumu'ah 62 :2)

Sungguhpun demikian terdapat juga beberapa orang dalam kalangan Arab Quraisy yang boleh membaca dan menulis namun jumlah mereka dikatakan tidak melebihi 10 orang (Al-Qodhi, 2004). Ada beberapa pendapat tentang permulaan bentuk tulisan Arab. Diriwayatkan bahawa tulisan ini berasal dari nabi Adam yang telah menulis tulisan Arab di atas tanah yang dibakar. Baginda kemudiannya telah menanam semua tulisan-tulisan tersebut sebelum baginda wafat dan dijumpai oleh satu kaum setelah taufan besar. Kaum inilah yang telah mengembangkan bentuk tulisan tersebut (Al-Zarqani, 1988). Sebahagian riwayat menyatakan bahawa bentuk tulisan ini telah dicipta oleh penulis wahyu Nabi Hud a.s iaitu Khaljan bin al-Qasim. Bentuk tulisan ini terus diperturunkan dari generasi ke generasi sehinggalah sampai kepada Bisyar bin Abd Malik yang kemudiannya dipelajari oleh Harb bin Umayyah datuk kepada Muawiyah bin Abu Sufian. Harb bin Umayyah inilah yang bertanggungjawab menyebarkan ilmu penulisan di Kota Makkah (Al-Dibba', 1990)

Untuk menjamin ketepatan dan keutuhan ayat-ayat al-Quran di dada Rasulullah, Jibril a.s. juga turut membantu dengan sentiasa datang bertadarus bersama baginda SAW. Al-Bukhari (2011) ada meriwayatkan sebuah kisah daripada Ibnu Abbas r.a. secara ringkasnya, Ibn Abbas berkata bahawa Jibril datang menemui Rasulullah SAW pada setiap malam di bulan Ramadhan, lalu mereka berdua secara bertadarus membaca al-Quran. Ketika Jibril membaca al-Quran, Rasulullah SAW akan mendengar dengan teliti bacaan tersebut dan begitulah sebaliknya. (al-Bukhari, Jilid 1: 16)

Al-Quran telah diturunkan melalui Jibril a.s kepada Rasulullah SAW secara berperingkat. Rasulullah SAW akan memperdengarkan bacaan al-Quran yang diturunkan lalu diikuti bacaan tersebut oleh sahabat sebelum menghafaznya (Al-Rantawi, 2004). Selain dari itu, baginda juga meminta beberapa orang sahabatnya menulis ayat-ayat suci al-Quran yang hendak dihafaz di atas kepingan batu-batu, tulang-tulang dan pelepah tamar (Al-Dibba', 1990). Sejak kedatangan Islam orang-orang Arab yang Muslim telah didedahkan dengan peri-pentingnya penulisan. Beberapa orang sahabat Rasulullah SAW bukan sahaja mematuhi arahan Rasulullah SAW supaya menulis wahyu-wahyu yang diturunkan, malah mereka memelihara semua tulisan-tulisan al-Quran ini dengan baik. Antara sahabat-sahabat Rasulullah SAW yang pandai menulis di Makkah pada permulaan Islam ialah Ali bin abi Talib, Umar bin al-Khattab, Talhah bin Ubaidullah, Uthman bin al-Affan, Aban bin Saad, Yazid bin Abi Sufiyan, Hatib bin Umar, al-Ala' bin al-Hadhrami, Abu Salamah bin Abd Asyal, Abdullah bin Saad Huwaytib bin abd Izza, Abu Sufiyan, Muawiyah dan Jahim al-Sallat. Sehingga kewafatan Rasulullah SAW, penulisan al-Quran telah sempurna sebagaimana diturunkan. Ini dibuktikan apabila Abu Bakar memulakan usaha mengumpulkan al-Quran, Zaid bin Thabit yang diamanahkan untuk menyaring bacaan dan tulisan daripada sahabat-sahabat dapat menyempurnakan pengumpulan tersebut tanpa ada satu huruf pun yang tertinggal dalam bentuk bacaan mahupun tulisan (Mohd Rahim, 2008).

Pada zaman Uthman bin Affan pula, al-Quran telah disatukan penulisannya dalam satu mashaf. Kaedah penulisan ini dinamakan dengan *rasm uthmani*. Selepas itu penulisan atau *rasm* ini talah berkembang sehinggalah bentuk penulisan al-Quran diperhalusi dan diletakkan pada asas yang kukuh. Proses penulisan dan percetakan al-Quran akan melalui proses kawalan yang ketat sebelum ia berada pada tangan orang-orang Muslim untuk bacaan umum. Kini kebanyakan negara-negara Islam mempunyai lajnah pentashih al-Quran masing-masing bagi maksud menjamin kesucian al-Quran dari sebarang penyelewengan.

Sementara itu pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di sekolah menengah aliran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) secara amnya memperuntukkan 1 jam 45 minit sehingga 2 jam sehari dan bersamaan hampir 10 jam seminggu. Pelajar-pelajar dipecahkan kepada kumpulan-kumpulan kecil (*halaqah tasmi'*) yang dikelolakan oleh seorang guru *hafiz* atau *hafizah*. Antara aktiviti wajib di dalam kelas ialah *tasmi' hafazan*, *talaqqi al-Quran* dan *I'adah al-Quran*, *fiqh al-ayat dan penulisan al-Quran* (Sri Andayani et.al, 2019). Pelajar akan diminta menyediakan penulisan al-Quran di dalam buku khas sebelum bertemu dengan guru halaqah dalam sesi *tasmi'*. Penulisan al-Quran akan disemak oleh guru halaqah dan dimaklumkan kepada pelajar sekiranya terdapat kesilapan penulisan.

Pembelajaran penulisan al-Quran ini tidak mempunyai masa khusus. Ianya termasuk di dalam pembelajaran *hifz al-Quran* (Nurul Najihah et.al, 2021). Oleh yang demikian amalan pembelajaran penulisan ini lebih tertumpu kepada pembelajaran sendiri. Beberapa faktor hasil daripada tinjauan lepas dijangka boleh mempengaruhi amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Oleh itu satu kajian perlu dilakukan bagi melihat faktor-faktor yang mempengaruhi amalan pembelajaran penulisan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz sekolah menengah aliran KBT di Malaysia.

3.0 Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan pendekatan kuantitatif. Satu set soal-selidik telah dibina bagi melihat amalan penulisan serta faktor-faktor yang menyumbang penulisan ayat hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Lima konstruk yang terdiri daripada amalan penulisan al-Quran, faktor pengetahuan, faktor bimbingan dan latihan, faktor masa dan faktor kesukaran soalan ujian. Konstruk ini dibina sendiri oleh pengkaji dengan mengambil kira pandangan pakar dalam kalangan pensyarah-pensyarah bidang al-Quran. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 23.0.

Sampel kajian dipilih secara rawak mudah, melibatkan 176 orang pelajar sekolah menengah tahfiz di seluruh Malaysia. Borang soal selidik diedarkan melalui google form untuk mendapatkan maklum balas responden. Responden terdiri 52 orang pelajar lelaki dan 124 orang pelajar perempuan. Jumlah yang tidak sekata di antara responden lelaki dan perempuan adalah kerana kajian ini menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah. Jadual 1 menunjukkan taburan responden terhadap kajian yang dijalankan.

Jadual 1: Taburan Pelajar Mengikut Jantina

Jantina Pelajar	Jumlah
Lelaki	52



Perempuan	124
Jumlah	176

4.0 Dapatan

Data yang diperolehi dari soal selidik dinyatakan dalam bentuk nilai min, kekerapan dan peratus bagi setiap item di dalam soal-selidik. Sementara itu ujian perbezaan min digunakan bagi melihat faktor yang dominan dalam mempengaruhi amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Seterusnya ujian korelasi digunakan untuk melihat hubungan di antara faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan ayat hafazan satu sama lain.

4.1 Amalan Penulisan Penulisan Al-Quran

Secara keseluruhan dapatan terhadap amalan penulisan al-Quran pelajar di dalam jadual 2 menunjukkan nilai (min: 3.68, s.p: 0.54) iaitu berada pada tahap sederhana. Hal ini disebabkan hanya empat daripada sepuluh item menunjukkan peratusan persetujuan responden yang tinggi iaitu di antara 54.3% hingga 82.2%. Item-item tersebut ialah amalan menyalin penulisan al-Quran daripada *mushaf*, menulis penulisan sambil melafazkannya di mulut, menulis mengikut *rasm uthmani* dan guru memeriksa penulisan al-Quran pelajar. Ini menunjukkan pelajar lazimnya akan menyalin lafaz al-Quran berdasarkan *mushaf* sambil melafazkan kalimah yang ditulis dengan mulut. Mereka juga berusaha untuk menulis berdasarkan *rasm uthmani* dan penulisan mereka akan dipantau serta diperiksa oleh guru mereka.

Dapatan enam item lagi menunjukkan peratusan persetujuan yang rendah bagi amalan penulisan al-Quran. Antara item-item tersebut ialah; menyemak semula ayat-ayat yang telah ditulis, diberi pujian oleh guru apabila berjaya menulis dengan baik, tidak stress dengan aktiviti menulis hafazan al-Quran, menghadkan penulisan kepada ayat yang akan ditasmi', menulis tanpa melihat *mushaf* dan menulis al-Quran tanpa baris pada kalimah yang ditulis. Hal ini menunjukkan amalan-amalan yang dijangka dapat meningkatkan kemahiran penulisan al-Quran kurang diamalkan dalam kalangan pelajar tahfiz sekolah menengah. Tahap amalan penulisan al-Quran yang sederhana membuktikan amalan ini seolah-olah dianggap sebagai aktiviti sampingan walaupun pada asasnya penulisan al-Quran tidak kurang pentingnya dalam penjagaan al-Quran.

Jadual 2 : Nilai Min dan sisihan piawai Amalan Pembelajaran Penulisan Al-Quran

n	Min	Sisihan Piawai
(176)		
Amalan Pembelajaran Penulisan Al-Quran	3.68	0.54

n = jumlah sampel

4.2 Faktor Pengetahuan Asas Pembelajaran Penulisan



Analisis data kepada faktor pengetahuan asas pembelajaran penulisan al-Quran di dalam jadual 3 menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai (min: 4.26, s.p:0.59). Tiga item dalam konstruk ini menunjukkan persetujuan yang tinggi daripada maklum balas responden. Indikator yang mendapat persetujuan yang tinggi ialah pelajar tahu kepada asas penulisan al-Quran iaitu mengenal huruf *hijaiyyah*. Pelajar juga mempunyai pengetahuan asas menyambungkan huruf-huruf menjadi kalimah untuk menulis al-Quran. Di samping itu pelajar juga tahu kepentingan menulis al-Quran bagi setiap hafiz dan hafizah. Sebaliknya indikator yang mendapat persetujuan yang rendah ialah pelajar mengetahui bahawa sebahagian daripada kalimah perlu ditulis berbeza dengan ejaan biasa (*imlai'*) dan pelajar mengetahui khat yang sesuai untuk menulis al-Quran. Dapatan ini menunjukkan kaedah khusus penulisan *rasm uthmani* dan pengetahuan khat untuk menulis al-Quran kurang diketahui oleh pelajar tahfiz sekolah menengah.

Jadual 3 : Nilai Min dan sisihan piawai Pengetahuan Asas Pembelajaran Penulisan Al-Quran

	Min	Sisihan Piawai
n (176)		
Pengetahuan Asas Pembelajaran Penulisan Al-Quran	4.26	0.59

n = jumlah sampel

4.3 Faktor Latihan dan Bimbingan

Manakala bagi faktor latihan dan bimbingan pula dapatan kajian di dalam jadual 4 menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana (min:3.86, s.p:0.89). Hanya satu item mendapat persetujuan yang tinggi iaitu guru halaqah atau guru tasmi' akan memeriksa dan memantau penulisan al-Quran pelajar. Manakala baki empat item lagi menunjukkan persetujuan yang rendah. Item-item tersebut ialah guru membimbing secara khusus penulisan al-Quran pelajar, item pelajar membetulkan semula kesilapan ejaan dalam penulisan, item guru membimbing kaedah penulisan *rasm uthmani* dan guru membuat latihan imla' al-Quran bagi memperkasakan penulisan al-Quran. Kesimpulan daripada dapatan ini menunjukkan bimbingan dan latihan penulisan al-Quran masih lagi kurang mencukupi kepada pelajar tahfiz sekolah menengah.

Jadual 4 : Nilai Min dan sisihan piawai Latihan dan Bimbingan Pembelajaran Penulisan Al-Quran

	Min	Sisihan Piawai
n (176)		
Latihan dan Bimbingan Pembelajaran Penulisan Al-Quran	3.86	0.89

n = jumlah sampel



4.4 Faktor Peruntukan dan Pengurusan Masa

Analisis daripada Jadual 5 bagi faktor peruntukan dan pengurusan masa hafazan pula menunjukkan faktor ini berada pada tahap sederhana dengan nilai (min: 3.98, sisihan piawai: 0.87). Hanya dua item yang menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi iaitu pelajar berpandangan bahawa mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk tasmi' hafazan baharu di samping menulis al-Quran dan pelajar mempunyai masa yang mencukupi untuk menyipakan penulisan al-Quran di luar kelas. Tiga item lain menunjukkan persetujuan yang rendah daripada maklumbalas pelajar iaitu mereka mempunyai masa yang mencukupi untuk *tahdir* atau persediaan hafazan baharu, mempunyai masa yang mencukupi untuk murajaah al-Quran serta mempunyai masa yang mencukupi untuk menyelesaikan kerja rumah atau homework bagi mata pelajaran akademik lain. Ini menunjukkan walaupun pelajar mampu untuk tasmi hafazan baharu dan menyiapkan penulisan al-Quran, namun mereka menghadapi masalah dalam memperuntukkan waktu bagi *tahdir* atau persediaan hafazan, *murajaah* al-Quran serta menyelesaikan homework. Hal ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia menentukan penguasaan dan kualiti sebenar pelajar tahfiz al-Quran.

Jadual 5 : Nilai Min dan sisihan piawai Bagi Peruntukan dan pengurusan Masa Pembelajaran *Penulisan* Al-Quran

n	Min	Sisihan Piawai
(176)		
Peruntukan dan pengurusan Masa Pembelajaran <i>Penulisan</i> Al-Quran	3.98	0.87

n = jumlah sampel

4.5 Faktor Soalan Peperiksaan atau Ujian Penulisan Al-Quran

Sementara itu analisis faktor soalan peperiksaan di dalam jadual 6 menunjukkan majoriti responden ia berada pada tahap yang sederhana dengan nilai (min: 3.61, sisihan piawai: 0.88). Kesemu item menunjukkan peratus persetujuan yang rendah dalam kalangan pelajar bagi faktor soalan peperiksaan atau ujian penulisan al-Quran. Majoriti pelajar kurang bersetuju mereka melancarkan al-Quran sebelum menjawab peperiksaan penulisan al-Quran. Begitu juga mereka kurang yakin mereka mampu menjawab soalan penulisan al-Quran dengan baik sekiranya mereka ingat dengan lancar hafazan al-Quran. Selain itu majoriti pelajar juga tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab penulisan al-Quran. Dapatan turut menunjukkan pelajar kurang berlatih menulis al-Quran sebelum menghadapi peperiksaan atau ujian. Pelajar turut menyatakan mereka sukar menjawab soalan penulisan al-Quran. Daripada dapatan ini jelas menunjukkan ujian penulisan al-Quran yang dijalankan masih belum mencapai objektif pembelajaran penulisan al-Quran sepenuhnya.



Jadual 6 : Nilai Min dan sisihan piawai Bagi Faktor Soalan Ujian/Peperiksaan Penulisan Al-Quran

n	(176)	Min	Sisihan Piawai
Soalan Ujian/Peperiksaan Penulisan Al-Quran		3.61	0.88

n = jumlah sampel

4.6 Perbandingan Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan al-Quran

Hasil daripada analisis min bagi setiap faktor yang mempengaruhi penulisan al-Quran menunjukkan bahawa hanya faktor pengetahuan yang boleh dianggap kuat mempengaruhi penulisan penulisan al-Quran dalam kalangan pelajar dengan nilai min tertinggi (4.26). Pengetahuan yang dimaksudkan ialah pengetahuan asas dalam penulisan al-Quran seperti mengenal huruf *hijaiyyah*, penyambungan huruf menjadi kalimah yang betul serta mengetahui kepentingan menulis al-Quran. Faktor lain iaitu latihan dan bimbingan dalam pembelajaran penulisan al-Quran (min: 3.86), peruntukan dan pengurusan masa pembelajaran (min: 3.98) dan soalan ujian dan peperiksaan (min: 3.61). Kesemua faktor selain faktor pengetahuan menulis al-Quran memerlukan kepada penambahbaikan bagi mencapai matlamat pembelajaran penulisan al-Quran

Jadual 7 : Perbezaan Nilai Min Bagi Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan ayat hafazan dalam kalangan Pelajar tahfiz

n	(176)	Pengetahuan	Latihan	Masa	Soalan
Min		4.26	3.86	3.98	3.61

n = jumlah sampel

4.7 Hubungan di antara Faktor Pengetahuan dengan Latihan, Masa dan Soalan

Jadual 8 adalah hasil ujian korelasi pearson. Ujian korelasi menunjukkan kesemua faktor mempunyai hubungan yang signifikan kepada amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Faktor latihan dan bimbingan mempunyai hubungan positif tertinggi iaitu ($r = .599$, $p < 0.01$), diikuti dengan faktor peruntukan dan pengurusan masa ($r = .575$, $p < 0.01$), faktor soalan ($r = .529$, $p < 0.01$) dan faktor pengetahuan ($r = .468$, $p < 0.01$). Dapatan ujian korelasi ini menunjukkan empat faktor yang dikaji ke semuanya mempunyai hubungan positif yang signifikan kepada amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Ini menunjukkan semakin tinggi usaha memperkukuh faktor pembelajaran tahriri semakin baik amalan pembelajaran penulisan al-Quran pelajar.

Jadual 7 : Korelasi Antara Amalan Pembelajaran Penulisan al-Quran dengan Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penulisan Ayat Hafazan Pelajar

n (176)	Pengetahuan	Latihan	Masa	Soalan
Amalan	.468**	.599**	.575**	.529**
	.000	.000	.000	.000

* Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

** Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

5.0 Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan kajian, amalan pembelajaran penulisan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz sekolah menengah berada pada tahap yang sederhana. Antara enam aspek ketara yang perlu diberi perhatian ialah menyemak semula ayat-ayat yang telah ditulis, pujian guru terhadap hasil penulisan pelajar, mengawal stress pelajar dalam aktiviti pembelajaran, menentukan kuantiti yang sesuai untuk penulisan al-Quran setiap hari, melazimkan menulis tanpa melihat *mushaf* serta menulis ayat al-Quran tanpa baris pada kalimah. Antara objektif pembelajaran penulisan al-Quran ialah memperkasakan daya ingat dan kualiti hafazan pelajar. Bagi memastikan hal ini dicapai penemuan terhadap dapatan kajian ini harus dibuat penambahbaikan terhadap enam aspek amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Memelihara al-Quran dari mudah lupa samada dalam bentuk lisan mahupun penulisan merupakan satu kewajiban sebagaimana yang ditegaskan oleh Al-Rantawi (2004). Oleh itu amalan pembelajaran penulisan al-Quran harus diperkasakan bagi melahirkan pelajar tahfiz yang *dhabit* al-Quran.

Pembelajaran penulisan al-Quran ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam kalangan pelajar sekolah menengah tahfiz. Empat faktor yang dikaji menunjukkan bahawa hanya faktor pengetahuan asas yang mendapat skor yang tinggi dalam pembelajaran penulisan al-Quran. Tiga faktor lagi iaitu bimbingan dan latihan, peruntukan dan pengurusan masa pembelajaran serta soalan ujian penulisan al-Quran menunjukkan skor yang sederhana. Perkara ini agak membimbangkan kerana dikhuatiri menjejaskan pencapaian matlamat hafazan al-Quran itu sendiri. Lebih jelas lagi apabila kesemua faktor dalam kajian ini menunjukkan hubungan yang signifikan dengan amalan pembelajaran penulisan al-Quran. Jika hanya faktor pengetahuan mendapat skor yang tinggi maka ia secara tidak langsung boleh membantutkan proses pembelajaran penulisan al-Quran secara khusus dan pendidikan tahfiz secara umumnya. Oleh yang demikian faktor latihan dan bimbingan, faktor peruntukan dan pengurusan masa pembelajaran serta faktor soalan ujian penulisan al-Quran perlu diperhalusi agar matlamat memelihara al-Quran secara lisan dan tulisan dapat dicapai.

Baginda Nabi SAW telah membasmi buta huruf dalam kalangan anak-anak muslim sejak awal perkembangan Islam apabila meminta tawanan perang Badar yang tahu menulis mengajar mengajar sepuluh anak muslim membaca dan menulis sebagai syarat pembebasan. (al-Mubarakfuri, 2008). Selain itu sejarah telah merekodkan ramai daripada kalangan para sahabat yang menghafaz secara lisan dan sebahagiannya menulis ayat-ayat yang diturunkan. Asanya ialah al-Quran terpelihara dalam dua bentuk, iaitu di dada para penghafaz al-Quran dan di dalam



lembaran penulisan yang dikenali dengan *mushaf* (Al-Zarqani, 1988; Al-Dibba', 1990). Justeru jurang penguasaan hafazan al-Quran di antara lisan dan penulisan perlu dikurangkan bagi melahirkan *huffaz* al-Quran yang *dhabit*. Generasi *huffaz* ini adalah pemangkin kepada terpeliharanya al-Quran sepanjang zaman. Oleh itu semua faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran hafazan al-Quran baik secara lisan mahupun tulisan harus diberi perhatian bagi melahirkan penghafaz al-Quran yang cemerlang.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Al-Qodhi, Abd Fatah (2004) *Tarikh mushaf al-Syarif*. Mesir: Matba'ah Al-Azhar

Abd Halim Tamuri. (2019). Prospek dan Cabaran Pendidikan Tahfiz Dalam Sistem Pendidikan Negara. Seminar Hala Tuju Pengajian Tahfiz Peringkat Kebangsaan 2019 (pp. 1-26). Kota Bharu: KIAS.

Abd Rahman Abd Ghani (2008). *Rasm Uthmani Pelengkap Pembacaan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

Abdullah Basmieh (1998). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Abu Najihat Al-Hafiz (2001). *Panduan bagi hafiz-hafizah & qari-qariah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ahmad Kamarudin Ibrahim, & Abd. Rahman Abd. Ghani. (2010). *Rasm Al-Uthmani* (Edisi ke-7). Kuala Lumpur Malaysia: Open University Malaysia. Al-A'zami, Muhammad Musthafa. 1981. *Kuttâb al-Nabiyy*. Riyadh: al-Maktab al-Islâmiy. Al-A'zami, Muhammad Musthafa. 2003.

Al-A'zami, Muhammad Musthafa. (2003). *Kuttâb al-Nabiyy*. Riyadh: al-Maktab al-Islâmiy.

Al-Bukhari. (2011). *Sohih al-Bukhari*. Giza: Alfa Linnasyar Wa Al-Tauzi`

Al-Dibba', Ali Muhammad (1990) *Samir al-Talibin fi Rasm wa Dhabt al-Kitab al-Mubin*. Mesir.

Al-Mubarakfuri, Shafiyurrahman (2020). *Sirah nabawiyah*. Gema Insani.

Al-Mukhtar, Mohamed. (2001). *Tarikh al-Qiraat fi al-masyriq wa al-maghrib*. Maghribi: Mansyurat al-Munazamat al-Islamiyyah li al-Tarbiyah.

Al-Qadhi, Abdu al-Fattah. (1965) "Tarikh al-Mushaf al-Syarif." Kairo: Maktabah Wa Mathba'ah al-Masyhad al-Hussaini,

Al-Rantawi, Mohamed Husien (2004) *Al-Ibar fi man hafiza al-Quran wa lam yablugh al-asyar*. Amman: Jamiyah Muhafazah Al-Quran Al-Karim.



- Al-Zarqani (1988) *Manahil al-Irfan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar an-Nafais.
- An-Nawawi (1984) *Al-Tibyan fi adabi hamalatil Quran*. Beirut: Dar an-Nafais.
- Fitra, A., & Listiana, L. (2022). Peradaban Terbentuknya Mushaf Al-Qur'an (Sejarah Terbentuknya Mushaf Rasm Ustmani). *Qolamuna: Jurnal Studi Islam*, 8(1), 58-68.
- Ibrahim, Nasruddin & Abd Rahman Abd Ghani. (2016) "Sejarah Penulisan Al-Qur'an (Kajian Antropologi Budaya)." Rihlah: *Jurnal Sejarah dan Kebudayaan* 2, no. 01: 53-68
- Kaimin, Siti Khadizah, Ahmad Yussuf, Mohd Yakub, and Zulkifli Mohd Yusoff. "Masalah Dan Cabaran Guru Tahfiz Dalam Pelaksanaan Pengajaran Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Di Kementerian Pelajaran Malaysia." (2021).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016) *Surat Pekeliling Ikhtisas TMUA Bilangan 1 Tahun 2016: Maklumat Asas Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)*
- Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz (2003). *Hubungan antara kaedah menghafaz al-quran dengan pencapaian kursus tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wa al-Qiraat di Perak*. Nilai: KUIM
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2008) *Pengajaran mata pelajaran hafazan al-Quran : suatu kajian di maahad tahfiz zon tengah*. Laporan Projek Sarjana : UPSI.
- Mohd Rahim Jusoh bin Musa (2008) *Tarikh al-Quran & rasm uthmani*. Batu Caves: Pustaka Khadim Al-Mushaf.
- Muhamad Fadlly Ismail, Wan Ruswani Wan Abdullah, and Wahidah Mat Said. (2020)"Pengenalan tawjih rasm uthmani dan hubungannya dengan ilmu tafsir." *Jurnal Al-Sirat* 1, no. 19 (2020): 58-66.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan, dan Jimaain Safar. (2021). Tahap pelaksanaan aktiviti hafazan dalam kalangan guru Tahfiz Sekolah Menengah [The implementation level of memorisation activities among secondary school teachers]." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4, no. 1: 9-21.
- Nurul Najihah Husin. (2018). *Metode Penulisan Al-Qur'an Di Maahad Tahfiz Al-Qur'an Masjid Sayyidina Ali Melaka (Studi Tentang Pemahaman Siswa Terhadap Dhabt Al-Qur'an: Asal-Usul Titik Dan Baris)*. PhD diss., Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan,.
- Pakhrujain, Pakhrujain, dan Habibah Habibah. (2022) Jejak Sejarah Penulisan Al-Qur'an. *Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al Quran Dan Hadis* 2, no. 3 (2022): 224-231.
- Sri Andayani Mahdi Yusuf, Mohd Aderi Che Noh, & Khadijah Abdul Razak. "Tahfiz teachers ability in teaching of the subject Hifz Quran in implementing integrated curriculum Tahfiz (KBT) secondary schools." *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 9, no. 5 (2019): 836-850.



Syukri, Ahmed Khalid & Al-Urtani, Firas (2005). *P'anat al-murid lihifzi al-Quran al-majid*. Amman: Jamiyah Muhafazah Al-Quran Al-Karim.

Zamri Rajab, Mohd Rusli Ismail, & Ahmad Amir Khan Shah Ahmad. (2021) Rasm Uthmani: Comparison Of Al-Hazf In Al-Quran Al-Karim And Quran Majid]Rasm Uthmani: Perbandingan Prinsip Al-Hazf Dalam Al-Quran Al-Karim Dan Quran Majid. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)* 5, no. 1 :119-128.